

# pertandingan seni lukis terbuka pulau pinang penang art open 2019



## Hadiah


**Pemenang Keseluruhan**  
RM15,000.00 + Sijil Penyertaan  
x 1 Pemenang

**Pemenang Kategori**  
RM3,000.00 + Sijil Penyertaan  
x 4 Pemenang/Kategori

- Pemenang Keseluruhan akan diberikan peluang untuk mengadakan pameran solo di BSLNPP.
- Karya Pemenang Keseluruhan dan Kategori akan menjadi Koleksi Tetap BSLNPP.

LEMBAGA MUZIUM & BALAI SENI LUKIS  
NEGERI PULAU PINANG

<http://www.penangmuseum.gov.my>

 [www.facebook.com/penangstatemuseumandartgallery](https://www.facebook.com/penangstatemuseumandartgallery)  
[www.facebook.com/muziumnegeripulaupinang](https://www.facebook.com/muziumnegeripulaupinang)

 @penangmuse

 penangstatemuseum





pertandingan seni lukis terbuka  
pulau pinang • penang art open 2019

**BESAR/BIG** Hantarkan karya anda berdasarkan kepada interpretasi terhadap tema ini. Penyertaan adalah terbuka kepada interpretasi yang luas dan pandangan yang berkaitan dengan tema tersebut.

Syarat dan Peraturan

1. Para peserta mestilah berumur 18 tahun dan ke atas.
2. Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Peserta bukan warganegara yang tinggal di Malaysia sepanjang tempoh pertandingan juga layak untuk bertanding (bukti alamat tempat tinggal adalah diperlukan). Semua penyertaan akan dinilai secara sama rata.
3. Pertandingan ini terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu:
  - a. Karya 2D (lukisan, catan dan yang berkaitan)
  - b. Karya 3D (arca, seramik, instalasi dan yang berkaitan)
  - c. Media Baru (video, animasi dan yang berkaitan)
  - d. Fotografi
4. Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar sebanyak dua (2) buah karya sahaja (maksima). Para peserta boleh memilih untuk menghantar penyertaan untuk mana-mana kategori atau untuk kategori yang sama.
5. Karya mestilah asli serta tidak pernah menyertai Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang serta tidak pernah dipamerkan dalam sebarang pertandingan atau pameran seni tampak di dalam atau di luar negara.
6. Karya mestilah yang terkini iaitu dihasilkan dalam tahun 2019.
7. Karya kolaborasi/berkumpulan adalah tidak diterima.
8. Penyertaan adalah percuma. Peserta mestilah bertanggungjawab untuk mengurus dan menanggung segala kos penghantaran karya ke dan balik dari galeri.
9. Kesemua karya mestilah dituntut semula seminggu selepas tempoh pameran tamat. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan sekiranya karya tersebut tidak dituntut selepas tamat tempoh tuntutan semula dan pihak penganjur berhak melupuskan karya berkenaan dalam apa jua cara yang dianggap sesuai.
10. Penganjur berhak membuat reproduksi ke atas karya peserta bagi tujuan publisiti, promosi, percetakan dan terbitan.
11. Penganjur berhak meminda atau membatalkan apa-apa jua syarat pertandingan ini tanpa notis.
12. Pemenang pertandingan ini akan dimaklumkan menerusi surat rasmi dan/atau email.
13. Kesemua karya yang menyertai pertandingan ini adalah untuk dijual. Pihak penganjur akan mengambil komisyen sebanyak 25% bagi setiap karya yang dijual sepanjang tempoh pameran tersebut berlangsung.
14. Keputusan juri adalah muktamad. Sebarang bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.
15. Salinan fotokopi borang penyertaan adalah diterima. Borang penyertaan juga boleh didapati di laman web [www.penangmuseum.gov.my](http://www.penangmuseum.gov.my) dan [www.facebook.com/muziumnegeripulaupinang](https://www.facebook.com/muziumnegeripulaupinang).

Penghantaran Karya

1. Peserta mestilah menghantar karya sebenar (maksimum 2) DAN:
  - a. lima (5) imej bagi setiap karya tersebut (sudut yang berbeza bagi karya arca/ instalasi) dan diformatkan ke dalam bentuk JPG/JPEG. Kualiti imej karya yang dihantar mestilah beresolusi 1280 x 720 dpi ke atas.
  - b. kenyataan Pelukis /Artist Statement (diformatkan ke dalam bentuk PDF)
  - c. tajuk karya
  - d. medium
  - e. saiz
  - g. harga
2. Maklumat (a-g) yang dihantar menerusi email adalah **TIDAK DITERIMA**. Penghantaran maklumat hanya melalui *Compact Disc* (CD) **ATAU** memuat naik pada pautan Google Form berikut: <https://forms.gle/8V6dYYa3T2rfJ6NY8>
3. Bagi karya video, karya mestilah diformatkan ke dalam format SWF/ FLV. Tempoh durasi tidak melebihi 5 minit.
4. Tiada had dimensi bagi setiap karya.
5. Bagi karya instalasi, peserta perlu menyertakan lakaran pemasangan.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila emailkan kepada [fairudz@penangmuseum.gov.my](mailto:fairudz@penangmuseum.gov.my)/[syazwan@penangmuseum.gov.my](mailto:syazwan@penangmuseum.gov.my)/[shafiq@penangmuseum.gov.my](mailto:shafiq@penangmuseum.gov.my) atau telefon di talian 04 - 226 1461/ 04 - 226 1462.

Kesemua karya mestilah sampai kepada pihak penganjur pada atau sebelum **11hb. Oktober 2019 (Jumaat), jam 5.00 petang** di alamat:

**Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang**  
Aras Bawah, Dewan Sri Pinang  
10200 Lebu Light, George Town  
Pulau Pinang

\* Sila hantar keratan ini sahaja. / Please return this section only.



pertandingan seni lukis terbuka  
pulau pinang • penang art open 2019



LEMBAGA MUZIUM & BALAI SENI LUKIS  
NEGERI PULAU PINANG

Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang  
Aras Bawah, Dewan Sri Pinang, 10200 Lebu Light,  
George Town, Pulau Pinang  
Tel: 04 - 226 1461 / 226 1462 Fax: 04 - 226 1439  
Email: [fairudz@penangmuseum.gov.my](mailto:fairudz@penangmuseum.gov.my)

Borang Penyertaan / Entry Form

Bil. / No.	Tajuk / Title	Bahan / Medium	Harga / Price	Saiz / Size (cm)	Tahun / Year	Catatan / Remark

Nama (seperti dalam KP) / Name:

Alamat / Address:

No. Kad Pengenalan / Passport / IC:

Tarikh Lahir / DOB:

No. Telefon Bimbit / Mobile No:

Umur / Age:

Alamat Facebook / Facebook Address:

Jantina / Gender:

Emel / Email:

Saya bersetuju mematuhi kesemua syarat-syarat Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2019.  
I agreed with all the Penang Art Open 2019 terms and conditions.

Tandatangan / Signature:

Warganegara / Citizenship:

Tarikh / Date: